

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, August 6, 2019 8:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap DYTM Raja Puan Muda Kedah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 OGOS 2019 / 5 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP DYTM RAJA PUAN MUDA KEDAH



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menghadap Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah di Wisma Darulaman, petang semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan bagi memohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM sesi pertama pada 19 Oktober nanti.

Selain itu, Naib Canselor turut menyembah maklum tentang projek baju Kedah yang bermotifkan batik Sintok (Baju Kurung Kedah), seterusnya memohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk menjadi penaung bagi projek baju Kedah bermotifkan batik Sintok itu.

Projek tersebut bakal memberi banyak manfaat kepada UUM, sektor pelancongan negeri Kedah dan rakyat di negeri ini terutamanya penduduk di sekitar daerah Pendang kerana projek itu akan melibatkan usahawan desa yang bakal menjadi penghasil baju Kedah (tukang jahit) untuk dipasarkan di pasaran tempatan dan luar negara apabila hasil kajian ini selesai dilaksanakan dan sedia untuk dipasarkan.

Dari sudut akademik, sebuah buku dokumentasi atau buku meja kopi (*coffee table book*) dan kertas kerja ilmiah berimpak tinggi dapat diterbitkan yang akan menjadi rujukan di masa hadapan.

Pada majlis menghadap itu juga, Prof. Dr. Ahmad Bashawir memohon limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk bercemar duli melancarkan '*soft-launch*' projek itu mengikut tarikh yang Duli Yang Teramat Mulia Tuanku perkenankan, selain membuat temu janji bagi menemu bual Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berhubung pandangan dan idea untuk kemajuan projek ini.

Pada masa sama, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku juga telah perkenan untuk memberi Ucaptama Tahunan DiRaja kepada Pusat Pengajian Undang-undang, bersesuaian dengan latar belakang dan pengalaman Tuanku dalam bidang undang-undang.

Turut hadir, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.